

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING  
[BINTULU]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-**

- (a) apakah rasional Kementerian hanya menghadkan pengagihan Bantuan Sara Hidup (BSH) secara tunai di Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk kawasan luar bandar terutamanya Sarawak dan apakah penyelesaian untuk kawasan yang tiada BSN; dan
- (b) apakah pihak Kementerian bercadang menubuhkan unit khas yang bergerak ke kawasan luar bandar untuk membantu dalam pengagihan BSH supaya rakyat tidak perlu menjelajah jauh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan kewangan yang disediakan di bawah Bantuan Sara Hidup (BSH) yang menyasarkan kumpulan pendapatan B40 adalah bagi meringankan kos sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.
2. Bank Simpanan Nasional (BSN) pula merupakan agensi pembayar bagi program BSH berasaskan kepada liputan perkhidmatan perbankan disediakan adalah yang paling luas di seluruh negara merangkumi kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman.

3. Bagi penerima BSH yang tidak mempunyai akaun bank dan tinggal di pedalaman Sabah dan Sarawak, pelaksanaan pembayaran secara tunai akan dilaksanakan dan diselaraskan oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMSabah) dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMSarawak) dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan BSN di samping sokongan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

4. Bagi tahun 2020, program pembayaran secara tunai ini telah memanfaatkan 53,325 penerima di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak melibatkan lokasi-lokasi yang ditetapkan iaitu 10 lokasi di Sabah dan 30 lokasi di Sarawak bagi memudahkan urusan penerima di kawasan pedalaman berkenaan. Sebagai contoh, antara kawasan yang terlibat dalam program berkenaan adalah Pulau Banggi dan Nabawan di Sabah serta Betong dan Song di Sarawak. Bagi mereka yang tidak sempat hadir ke program berkenaan, pembayaran juga boleh dituntut secara tunai di Cawangan BSN mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan kekal komited dalam memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40. Kerajaan sedang merangka cadangan untuk menambah baik kaedah pembayaran BSH melalui ATM bergerak.

Sekian, terima kasih.